



**KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
JABATAN KEWANGAN NEGERI PULAU PINANG**

DOKUMEN SEBUTHARGA

UNTUK

**PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI TAPAK PESTA
SUNGAI NIBONG PULAU PINANG**

NO. SEBUTHARGA : 1/2022

**Unit Tapak Pesta dan Ekspo
Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang
Tapak Pesta, Jalan Sultan Azlan Shah,
11700 Sungai Nibong,
Pulau Pinang**

HARGA DOKUMEN : RM10.00 SENASKAH

SENARAI SEMAK

1. BORANG SEBUT HARGA (LAMPIRAN Q).
2. SESALINAN SIJIL PENDAFTARAN SYARIKAT.
3. SESALINAN SIJIL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA.
4. SESALINAN SIJIL KEMENTERIAN DALAM NEGERI BERKAITAN PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN YANG MASIH SAH LAKU.
5. SESALINAN SIJIL PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA
6. SESALINAN SLIP / PENYATA AKAUN BANK SYARIKAT BAGI BULAN **FEBRUARI 2022, MAC 2022 DAN APRIL 2022.**
7. SURAT AKUAN PENYEBUTHARGA (LAMPIRAN C)
8. SURAT AKUAN PEMBIDA (LAMPIRAN D)
9. PROFAIL SYARIKAT (RINGKAS)

Tandatangan
Penyebut harga :.....

Nama :.....

No. K/P :.....

Tarikh :.....

Cop Syarikat :

(Kew. 284-Pin. 5/94)

**KERAJAAN MALAYSIA
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)
NEGERI PULAU PINANG**

TAJUK:

**PERKHIDMATAN KAWALAN
KESELAMATAN DI TAPAK PESTA
SUNGAI NIBONG , PULAU PINANG**

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini

BEKALAN BARANG-BARANG / PERKHIDMATAN

No. Sebutharga

1/2022

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan barang-barang / perkhidmatan yang disenaraikan di bawah

Nama Syarikat

No. Telefon:

No. Pendaftaran Kementerian Kewangan:

Kod Bidang Pendaftaran

bekalan/perkhidmatan ini : **220801**

Pelawaan tender dikeluarkan oleh :

**UNIT TAPAK PESTA DAN EKSPLO
JABATAN KEWANGAN NEGERI
TAPAK PESTA, JALAN SULTAN AZLAN SHAH,
11700 SUNGAI NIBONG, PULAU PINANG**

No. Telefon: **04-658 5202**Tarikh: **30 MEI 2022**

tertakluk kepada had-had dan syarat-syarat yang ditetapkan :-

1.1 Syarat-syarat serahan / penyempurnaan :-

(i) Tawaran adalah dibuka kepada Syarikat / Kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan sistem e-Perolehan (SysP) Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah kod bidang **220801**.

(ii) **Dokumen Sebut harga** boleh diperolehi daripada **sistem e-Perolehan (SysP) Kerajaan Negeri Pulau Pinang di portal ep.penang.gov.my** dengan bayaran sebanyak **RM10.00 senaskah**. Bayaran adalah secara *on-line* dengan mengklik butang 'BELI' di portal tersebut. Walau bagaimanapun, dokumen sebut harga hanya boleh dimuat turun oleh syarikat yang telah berdaftar dengan sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

(iii) Hadir ke sesi taklimat dan lawatan tapak pada **7 JUN 2022 (SELASA) jam 10.00 pagi** di **Pejabat Urusetia, Tapak Pesta Sungai Nibong, Pulau Pinang**. Kehadiran adalah **DIWAJIBKAN**.

(iv) Seorang sahaja pengurus/wakil syarikat yang dibenarkan hadir semasa sesi taklimat dan lawatan tapak.

1.2 Tarikh akhir serahan / disempurnakan : **Sebelum jam 12.00 t/hari, 16 JUN 2022 (KHAMIS)** (Seorang/wakil sahaja dibenarkan menghantar borang sebutharga dengan satu dokumen)

1.3 Arahan Pengiriman :Dokumen sebut harga yang lengkap dengan senarai semak dan dokumen sokongan wajib hendaklah dilakri dan dimasukkan ke dalam sampul surat yang ditulis di bahagian atas kirinya dengan No. sebut harga dan tarikh serahan. Sampul surat mengandungi dokumen sebut harga hendaklah **dihantar dengan tangan** dan dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terdapat di **Kaunter Jabatan Kewangan Negeri, Tingkat 23 KOMTAR, 10990 Pulau Pinang**. Penghantaran melalui Pos tidak dibenarkan sama sekali.

1.4 Dokumen sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas **tidak lewat pada masa dan tarikh yang ditetapkan di atas**.

1.5 Tempoh sah laku sebut harga ialah **90 hari selepas tarikh tutup**.

Tarikh : **30 MEI 2022**

Tandatangan : t.t

NURUL NABILAH BINTI MAZLAN

Nama & Jawatan

:Penolong Pegawai Kewangan Negeri (H)

Bil.	Perkara	Unit	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
Untuk diisi oleh Jabatan			Untuk diisi oleh penyebut harga	
<p>Sila rujuk SYARAT-SYARAT KHAS seperti LAMPIRAN B. Perkhidmatan kawalan keselamatan di Tapak Pesta Sungai Nibong termasuk kos pekerja, kelengkapan/peralatan keselamatan, sistem & kelengkapan 'time's clock' dan lain-lain keperluan seperti yang dinyatakan dalam Syarat-Syarat Khas dan berpandukan kepada Jadual/Syif perkhidmatan di bawah.</p>				
	<u>Tapak Pesta Sungai Nibong</u>			
1.	7.00 pagi hingga 7.00 malam	3 orang		
2.	7.00 malam hingga 7.00 pagi	3 orang		
JUMLAH SEHARI				
JUMLAH BULANAN [(Jumlah Sehari X 30 hari)]				
JUMLAH TEMPOH DUA TAHUN [Jumlah Bulanan x 24 Bulan]				

Mustahak :-

- (i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih ;
- (ii) Butiran lanjut – Sila rujuk **Syarat-Syarat Am (LAMPIRAN A)**, **Syarat-Syarat Khas (LAMPIRAN B)**, **Surat Akuan Pemohon Sebut Harga (LAMPIRAN C)** dan **Surat Akuan Pembida (LAMPIRAN D)**;
- (iii) **Dokumen Sokongan Wajib** – Rujuk **LAMPIRAN E** ; dan
- (iv) Tarikh penyerahan / penyempurnaan ialah

Saya / Kami dengan ini menawarkan untuk membekalkan perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas dengan tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan Syarat Am serta Syarat Khas yang dilampirkan.

Tandatangan
Penyebut harga :

Nama :

No. K/P :

Alamat Syarikat :

.....

.....

.....

Tarikh :

Cop Syarikat ;

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebutharga.

1. KEADAAN BARANG

Semua barang hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

4. BARANG-BARANG SETARA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang-barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. PENYETUJUAN

(i) Kerajaan tidak terikat untuk menyetujui terendah atau mana-mana sebut harga.

(ii) Tiap-tiap satu butiran akan ditimbang sebagai suatu sebut harga yang berasingan.

6. PEMERIKSAAN

(i) Kerajaan adalah sentiasa berhak menghendaki barang-barang itu diperiksa atau diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya dalam masa pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan.

(ii) Penyebutharga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. PERAKUAN MENYATAKAN PENENTUAN TELAH DIPATUHI

Penyebutharga dikehendaki memperakui bahawa barang-barang yang dibekalkan oleh mereka adalah perkhidmatan mengikut penentuan atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. PENOLAKAN

(i) Barang-barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada barang-barang yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak.

(ii) Apabila diminta penyebutharga hendaklah menyebabkan barang-barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengikut barang-barang yang ditolak itu.

- (iii) Fasa-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan gantirugi kerana kemungkiran kontrak.

9. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

10. TAFSIRAN

Tender ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebutharga bersetuju hanya kepada bidangkuasa Mahkamah.

11. INSURAN

Tiada apa-apa insurans atas barang-barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

BARANG-BARANG EX-STOCK ATAU KELUARAN MALAYSIA

12. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang-barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

14. MATAWANG

Sebut harga berasingan.

15. PEMBUNGKUSAN

- (i) Barang-barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan barang-barang itu dieksport dengan tidak dibungkus.
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebutharga.

SYARAT-SYARAT KHAS**JADUAL DAN SYARAT
PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI TAPAK PESTA
SUNGAI NIBONG, PULAU PINANG****1. TEMPAT DAN TEMPOH PERKHIDMATAN**

1.1 Perkhidmatan Kawalan Keselamatan yang diperlukan adalah di **Tapak Pesta, Sungai Nibong, Jalan Sultan Azlan Shah, 11700 Sungai Nibong Pulau Pinang.**

1.2 Tempoh perkhidmatan yang dikehendaki adalah selama dua **(2) tahun berkuatkuasa pada 1 Oktober 2022 hingga 30 September 2024.**
(Tarikh kuatkuasa adalah tertakluk kepada perubahan)

2. JADUAL BERTUGAS DAN BILANGAN PENGAWAL

2.1 Pengawalan Tapak Pesta Sungai Nibong dibahagikan kepada **2 syif** iaitu:-

SYIF	MASA	BILANGAN PENGAWAL
Pertama	7.00 pagi – 7.00 malam	3 orang
Kedua	7.00 malam – 7.00 pagi	3 orang

Kegagalan dalam mematuhi jadual syif seperti di perenggan 2.1 dan 2.2 di atas akan mengakibatkan kontrak perhidmatan dibatalkan.

2.2 Satu jadual kawalan harian yang lengkap hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Penyelia Tapak.

SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN**3.1 Pengawal Keselamatan**

3.1.1 Syarikat bertanggungjawab ke atas pemilihan ataupun pengambilan pekerja-pekerja berkemampuan, berkebolehan serta mempunyai sifat sebagai seorang pengawal keselamatan dan seterusnya dapat memberikan perkhidmatan yang cekap dan sempurna. seperti berikut:

- (i) Bebas dari sebarang rekod jenayah.
- (ii) Berkebolehan untuk menulis, membaca dan memahami laporan.
- (iii) Berada pada tahap kecergasan/ketahanan yang tinggi.

- (iv) Mempunyai kesungguhan serta keinginan dalam memastikan kawasan, bangunan dan infrastruktur tapak berada dalam keadaan selamat dan terkawal.
- 3.1.2 Semua pengawal keselamatan yang dilantik hendaklah berumur 18 tahun ke atas tetapi **tidak melebihi 60 tahun**.
- 3.1.3 Pihak syarikat adalah **dilarang sama sekali** mengambil semula bekas pengawal keselamatan daripada syarikat keselamatan terdahulu yang mempunyai rekod perkhidmatan yang tidak memuaskan.
- 3.1.4 Pihak syarikat dikehendaki menyediakan satu senarai nama pengawal yang lengkap seperti berikut :-
- (i) Nama
 - (ii) Alamat
 - (iii) Nombor Kad Pengenalan / Nombor Pasport
 - (iv) Jantina **LELAKI SAHAJA**
 - (v) Tarikh Lahir / Umur
 - (vi) Kelayakan
- 3.1.5 Syarikat dikehendaki menyediakan seorang penyelia yang berurusan dengan Jabatan atau wakilnya. Penyelia tersebut juga hendaklah memastikan semua pengawal bertugas menjalankan kawalan dengan teratur dan sempurna seperti mana dikehendaki oleh Kerajaan Negeri atau wakilnya.

3.2 Pakaian / Peralatan Pengawal

- 3.2.1 **Syarikat DIWAJIBKAN** untuk menyediakan sistem dan kelengkapan '*time's clock*' dan menyediakan kunci untuk kelengkapan tersebut sekurang-kurangnya di 20 kawasan atau bangunan yang akan ditentukan oleh pihak Jabatan atau wakilnya sebagai jaminan bahawa setiap pengawal keselamatan akan membuat rondaan di keseluruhan kawasan, bangunan serta infrastruktur Tapak Pesta. Segala kos pemasangan kelengkapan tersebut adalah dibawah tanggungan Syarikat. Kegagalan pihak syarikat untuk menggunakan atau mengekalkan sistem dan kelengkapan tersebut akan mengakibatkan kontrak perkhidmatan dibatalkan.
- 3.2.2 **Syarikat DIWAJIBKAN** untuk menyediakan alat perhubungan iaitu '*walkie talkie*' kepada para pengawal keselamatan yang bertugas.
- 3.2.3 Semua pengawal hendaklah dilengkapi dengan pakaian seragam dan juga peralatan keselamatan seperti '*chota*', wisel, lampu suluh dan peralatan-peralatan lain yang difikirkan perlu.

3.3 Pos Kawalan

- 3.3.1 Kawasan dan tempat-tempat kawalan akan ditetapkan oleh Kerajaan Negeri atau wakilnya. Semua pengawal dikehendaki berada di tempat masing-masing seperti yang ditetapkan.

3.4 Waktu Rehat

- 3.4.1 Setiap kali pengawal berhenti rehat atau makan, seorang pengganti Pengawal hendaklah disediakan.

3.5 Kehadiran

- 3.5.1 Syarikat perlu menyediakan sebuah buku log kedatangan untuk ditandatangani oleh pegawai setiap kali datang bertugas. Buku ini hendaklah diserahkan kepada Penyelia Tapak setiap hari untuk semakan dan tandatangan wakil Kerajaan Negeri di Tapak Pesta.
- 3.5.2 Di samping itu, Syarikat perlu memastikan setiap pengawal keselamatan mengetip kad perakam waktu dan segala kos pemasangan kelengkapan tersebut adalah dibawah tanggungan Syarikat. Sekiranya mesin kad perakam waktu didapati rosak atau tidak berfungsi dengan baik maka pengesahan daripada pihak Jabatan atau wakilnya adalah diperlukan. Kegagalan pihak syarikat untuk menggunakan atau mengekalkan sistem dan kelengkapan tersebut akan mengakibatkan kontrak perkhidmatan dibatalkan.
- 3.5.3 Ketidakhadiran melapor diri untuk bertugas akan mengakibatkan syarikat **didenda dua kali ganda** daripada kadar bayaran perkhidmatan bagi tempoh ketidakhadiran pengawal keselamatan tersebut.

3.6 Disiplin

- 3.6.1 Syarikat bertanggungjawab ke atas kelakuan dan disiplin kakitangannya. Kawasan Tapak Pesta tidak dibenarkan digunakan oleh anggota pengawal bagi apa-apa tujuan tanpa kebenaran Jabatan.
- 3.6.2 Pengawal keselamatan Syarikat mestilah berkelakuan baik dan jujur serta memberi perkhidmatan secara profesional. Mana-mana pengawal keselamatan yang berkelakuan tidak disenangi atau tidak diingini oleh Kerajaan Negeri atau wakilnya boleh diarah keluar dari kawasan Tapak Pesta oleh Kerajaan Negeri atau wakilnya dan tidak akan dibenarkan bertugas lagi.

3.7 Pelawat-Pelawat

- 3.7.1 Orang awam, pelawat, penyewa, peniaga, penjaja atau mana-mana individu atau pihak yang tidak mempunyai pas masuk rasmi atau surat kebenaran yang sah daripada Kerajaan Negeri atau wakilnya tidak dibenarkan masuk ke kawasan Tapak Pesta.
- 3.7.2 Pengawal keselamatan Syarikat dikehendaki mencatat butiran mengenai pelawat yang memasuki kawasan Tapak Pesta seperti nama, nombor kad pengenalan dan sebagainya di dalam sebuah buku log khas. Buku log tersebut perlu disediakan oleh pihak Syarikat.

3.8 Kenderaan

- 3.8.1 Kenderaan hanya dibenarkan diletakkan di kawasan tempat letak kenderaan sahaja. Kenderaan yang hendak memasuki ke dalam kawasan Tapak Pesta hendaklah mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada Kerajaan Negeri atau wakilnya.
- 3.8.2 Bagi kenderaan yang diberi kebenaran memasuki ke dalam kawasan Tapak Pesta, pengawal hendaklah mencatat nombor kenderaan serta masa masuk dan keluar. Setiap kenderaan yang masuk dan keluar hendaklah diperiksa dengan rapi.
- 3.8.3 Pengawal Keselamatan Syarikat hendaklah memastikan barang-barang yang hendak dibawa masuk mempunyai kebenaran bertulis daripada Kerajaan Negeri atau wakilnya dengan mengisi 'Borang Kebenaran Pengangkutan Masuk Barang-Barang'. Bagi barang-barang yang hendak dibawa keluar 'Borang Kebenaran Pengangkutan Keluar Barang-Barang' hendaklah digunakan.
- 3.8.4 Semua urusan rasmi ini hendaklah dijalankan pada waktu pejabat sahaja. Sebarang urusan di luar waktu pejabat hendaklah mendapat kebenaran secara bertulis daripada pihak Kerajaan Negeri atau wakilnya.
- 3.8.5 Buku log pelawat ini hendaklah dihantar kepada Kerajaan Negeri atau wakilnya dengan kekerapan sekurang-kurangnya tiga (3) kali seminggu untuk semakan.

3.9 Pintu Pagar

- 3.9.1 Semua pintu pagar hendaklah dikunci kecuali Pintu Utama atau mendapat arahan daripada penyelia tapak

3.10 Rondaan

3.10.1 Pengawal hendaklah membuat rondaan di seluruh kawasan dan bangunan Tapak Pesta setiap satu (1) jam sekali. Pengawal juga hendaklah menentukan pagar, pintu, bangunan-bangunan dalam keadaan yang sempurna iaitu tidak pecah atau rosak. Sekiranya terdapat sebarang kerosakan atau kebocoran paip atau apa-apa penemuan lain, pengawal hendaklah memaklumkan dengan segera kepada pihak pengurusan.

3.10.2 Laporan dari rondaan ini hendaklah dicatatkan dalam sebuah buku log khas dan hendaklah diserahkan kepada penyelia atau wakilnya dengan kekerapan sekurang-kurangnya dua (2) kali seminggu untuk semakan.

3.11 Penceroboh

3.11.1 Penceroboh yang ditangkap hendaklah dengan segera diserahkan kepada Balai Polis yang berdekatan. Disamping itu, tindakan hendaklah diambil untuk memaklumkan perkara ini kepada Kerajaan Negeri atau wakilnya dengan segera.

3.12 Tanggungjawab Syarikat

3.12.1 Syarikat adalah bertanggungjawab terhadap perkara-perkara berikut :-

- (i) Keselamatan semua harta benda yang terdapat di Tapak Pesta Sungai Nibong.
- (ii) Apa-apa kerugian Kerajaan Negeri akibat kecurian, kehilangan dan sebagainya di mana kerugian tersebut adalah disebabkan oleh kecuaiian pengawal keselamatan Syarikat atau kakitangannya semasa mereka menjalankan tugas **dan kos kerugian tersebut akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak Syarikat.**
- (iii) Apa-apa kehilangan barang-barang berharga, wang tunai dan sebagainya di Tapak Pesta Sungai Nibong, di mana kehilangan tersebut adalah disebabkan oleh kecuaiian pengawal keselamatan Syarikat atau kakitangannya semasa mereka menjalankan tugas **dan kos kerugian tersebut akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak Syarikat.**
- (iv) Kehilangan atau kerosakan kunci-kunci yang telah diserahkan kepada Syarikat dalam jagaannya bagi tujuan memberi perkhidmatan kawalan keselamatan **dan kos kerugian tersebut akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak Syarikat.**

- (v) Apa-apa kegagalan oleh Syarikat untuk menjalankan perkhidmatan tersebut kecuali disebabkan oleh pemogokan pekerja-pekerja, keadaan tidak aman atau sebagainya di mana syarikat tidak ada kuasa untuk mengawal keadaan.

3.13 Pembayaran

- 3.13.1 Pembayaran bulanan akan dibuat dalam tempoh 10 hari bekerja selepas menerima dokumen tuntutan yang sempurna dan teratur daripada Syarikat berdasarkan kepada kadar sejam yang ditawarkan dan Rekod Jadual Kedatangan yang sah.

3.14 *Termination on Corruption, Unlawful or Illegal Activities*

- 3.14.1 *Without prejudice to any other rights of the Government, if the Company, its personnel, servants or employees is convicted by a court of law for corruption or unlawful or illegal activities in relation to this Agreement/Contract or any other agreement that the Company may have with the Government, the Government shall be entitled to terminate this Agreement/Contract at any time, by giving immediate written notice to that effect to the Company.*

- 3.14.2 *Upon such termination, the Government shall be entitled to all losses, costs, damages and expenses (including any incidental costs and expenses) incurred by the Government arising from such termination.*

- 3.14.3 *For the avoidance of doubt, the Parties hereby agree that the Company shall not be entitled to any form of losses including loss of profit, damages, claims or whatsoever upon termination of this Agreement/Contract.*

3.15 Hal-Hal Lain

- 3.15.1 Semua arahan tambahan yang diberi secara bertulis atau lisan oleh Kerajaan Negeri atau wakilnya hendaklah dipatuhi.

- 3.15.2 Pada bila-bila masa apabila tambahan pengawal diperlukan oleh Kerajaan Negeri atau wakilnya, maka Syarikat hendaklah mematuhi kehendak tersebut dan kadar bayaran yang akan dibayar oleh Kerajaan Negeri adalah seperti mana yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

SURAT AKUAN PEMOHON SEBUT HARGA

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri
Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang
Tingkat 23 KOMTAR,
10990 PULAU PINANG

Tuan,

NO. SEBUT HARGA : 1/2022

**TAJUK SEBUT HARGA : SEBUT HARGA PERKHIDMATAN
KAWALAN KESELAMATAN DI TAPAK PESTA SUNGAI NIBONG,
PULAU PINANG**

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa saya/kami (nama syarikat) mengambil bahagian dalam sebut harga perkhidmatan kawalan keselamatan di Tapak Pesta Sungai Nibong. Harga yang ditawarkan dalam tawaran sebut harga ini adalah seperti di **Borang Sebut harga di LAMPIRAN Q.**

2. Syarikat sebagai pemohon sebut harga dengan ini bersetuju menerima serta mematuhi dan terikat dengan syarat-syarat sebut harga dan kontrak yang terkandung dalam dokumen sebut harga. Syarikat juga telah memahami bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhak menerima atau menolak sebut harga ini, sama ada harga yang ditawarkan rendah atau tinggi atau sama dengan harga tawaran-tawaran lain.
3. Syarikat bersetuju bahawa nilai sebut harga yang ditawarkan ini laku (*valid*) selama **sembilan puluh (90) hari** daripada tarikh tutup sebut harga. Dalam tempoh tersebut syarikat tidak boleh menarik diri daripada sebut harga ini dan meminda harga.
4. Selanjutnya sekiranya sebut harga syarikat ini diterima, syarikat akan mengikat suatu kontrak serta memberi cagaran keselamatan (Bon Pelaksanaan) bernilai 2.5% daripada jumlah keseluruhan harga kontrak dalam tempoh **empat belas (14) hari** daripada tarikh terima surat tawaran. Disamping itu, syarikat juga akan mengemukakan Polisi Liabiliti Awam (Public Liability Policy) dan Polisi Insurans Pampasan Pekerja (Workmen Compensation Policy) yang dikeluarkan oleh Syarikat Insurans yang diakui dan diambil atas nama **KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG** dan Syarikat untuk tanggungan minimum masing-masing bernilai **RM10,000.00** bagi satu kemalangan yang berbangkit dari satu kejadian. Liputan bilangan kemalangan hendaklah tidak terhad. Tempoh

insurans hendaklah sekurang-kurangnya dalam tempoh kontrak.

5. Syarikat bersetuju harga yang ditawarkan sebagai asas perkiraan bagi pembayaran di atas perkhidmatan yang diberikan kepada Kerajaan Negeri setelah perkhidmatan tersebut disahkan oleh Jabatan yang bertanggungjawab di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
6. Kami yang bertandatangan di bawah ini, setelah menyemak, adalah dengan ini mengesahkan bahawa dokumen sebut harga yang digunakan untuk sebut harga ini adalah yang sebenarnya dibeli oleh syarikat ini.

.....
(Tandatangan orang yang diberi kuasa)

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Cop Syarikat :

Tandatangan Saksi :

Nama Saksi :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

SURAT AKUAN PEMBIDA**BAGI****SEBUTHARGA PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI TAPAK PESTA
SUNGAI NIBONG, PULAU PINANG****NO. SEBUTHARGA : 1/2022**

Saya, nombor K.P.
yang mewakili Syarikat
nombor Pendaftaran Syarikat dengan ini mengisytiharkan
bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan
menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **JABATAN
KEWANGAN NEGERI PULAU PINANG** atau mana-mana individu lain, sebagai
sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas. Bersama-sama ini
dilampirkan **Surat Perwakilan Kuasa** bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat
di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini
didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam
JABATAN KEWANGAN NEGERI PULAU PINANG atau mana-mana individu lain
sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya
sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi sebut harga di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tata tertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan
yang berkuat-kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada
saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai
sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji
akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang
berhampiran.

Yang Benar,

.....
Nama :
No. K/P :
Cop Syarikat :

- Catatan: 1) *Potong mana yang tidak berkaitan.
2) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa.

DOKUMEN SOKONGAN WAJIB

Borang Sebut harga (LAMPIRAN Q) mestilah dilampirkan dengan dokumen / maklumat seperti berikut :-

- (i) Sesalinan Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang masih sah laku.
- (ii) Sesalinan Sijil Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah laku.
- (iii) Sesalinan Sijil Kementerian Dalam Negeri berkaitan dengan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan yang masih sah laku.
- (iv) Sesalinan Sijil Persatuan Industri Keselamatan Malaysia.
- (v) Sesalinan penyata akaun bank syarikat bagi bulan **FEBRUARI 2022, MAC 2022 dan APRIL 2022.**
- (vi) Surat Akuan Pemohon Penyebutharga (**LAMPIRAN C**)
- (vii) Surat Akuan Pembida (**LAMPIRAN D**)
- (viii) Profail Syarikat yang ringkas dan mengandungi maklumat mengenai:
 - (a) Butiran syarikat
 - (b) Senarai Ahli Lembaga Pengarah / Pemilik Tunggal
 - (c) Pengalaman mengenai pembekalan/perkhidmatan/kerja yang berkaitan dengan skop perolehan.

PERHATIAN : Sila ambil maklum bahawa kegagalan penyebutharga untuk mengemukakan Dokumen Sokongan Wajib seperti dinyatakan di atas akan menjejaskan penilaian ke atas sebut harga yang dikemukakan.